Headline	Tiga kakitangan TNB kena koronavirus		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 Jan 2021	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Setempat	Page No	3
ArticleSize	110 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 13,000		

Tiga kakitangan TNB kena koronavirus

Kuala Lumpur: Tiga kakitangan Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Muar, Johor disahkan positif Covid-19, kelmarin.

Ketiga-tiga mereka yang bukan petugas di bahagian perkhidmatan pelanggan Kedai Tenaga kini sedang menjalani kuarantin di rumah masing-masing.

TNB dalam satu kenyataan semalam memaklumkan kontak rapat mereka pula diminta menjalani ujian calitan serta menjalani kuarantin di rumah.

"Sebagai syarikat yang sentiasa mengutamakan keselamatan dan kesejahteraan warga kerja dan pelanggan kami, Pejabat TNB Muar ditutup mulai semalam (kelmarin) untuk kerja sanitasi sepenuhnya mengikut prosedur operasi standard (SOP) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Pejabat ini akan dibuka selepas mendapat kelulusan KKM.

"Bagaimanapun, penutupan pejabat ini tidak memberi kesan kepada bekalan elektrik di Muar," katanya.

Menurutnya, semua urusan perkhidmatan TNB menerusi Kedai Tenaga seperti semakan dan pembayaran bil hanya boleh dilaksanakan menerusi portal myTNB (www.mytnb.com.my) atau applikasi myTNB yang boleh dimuat turun di *Google Playstore*, *Apple App Store* dan *Huawei AppGallery* berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Johor.

Powered by: iSENTIA